



SUKAN

PERAK SASAR KEDUDUKAN TIGA TERATAS KEJOHANAN MEMANAH TRADISIONAL KEBANGSAAN 2025

🕒 29/05/2025 03:41 PM



Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Negeri Perak Khairudin Abu Hanipah (tengah) bergambar bersama atlet memamah pada Majlis Penyerahan Bendera Negeri Perak kepada Skwad Pemanah Tradisional Kontinjen negeri Perak di pekarangan Bangunan Perak Darul Ridzuan hari ini.

IPOH, 29 Mei (Bernama) -- Kontinjen Perak menyasarkan berada pada kedudukan tiga teratas pada Kejohanan Memamah Tradisional Kebangsaan 2025, yang akan berlangsung di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Ahad ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan negeri Khairudin Abu Hanipah berkata seramai 43 peserta, terdiri daripada peserta dewasa dan kanak-kanak daripada Persatuan Memamah Negeri Perak akan menyertai kejohanan itu, yang berlangsung selama dua hari bermula 31 Mei ini.

"Besarnya harapan kita akan beroleh kejayaan pada kejohanan kali ini, kerana kejohanan yang sebelum ini kita berada pada kedudukan kelima.

"Sasaran ini juga diletakkan selepas kita cuba memperbaiki kedudukan tersebut dengan persiapan, latihan dan pemilihan yang telah dilakukan secara berkala oleh persatuan ini," katanya.

Penganjuran kejohanan kebangsaan kali ketiga itu, bakal melibatkan penyertaan lebih 700 pemanah tradisional dari seluruh negara.

-- BERNAMA